

Headline	SOP Kemaman SiapSiaga urus banjir		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	12
ArticleSize	313 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,969		





SOP 'Kemaman SiapSiaga' urus banjir

Persediaan peringkat akar umbi

n Tiga helipad telah dibina dengan koordinat GPS yang tepat memudahkan helikopter mendarat ketika waktu kecemasan. Helipad ini dilengkapi dengan depoh bekalan untuk menyimpan makanan.

n Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik bertukar peranan menjadi markas taktikal untuk pasukan penyelamat yang menyediakan kemudahan seperti penginapan, pusat kawalan dan tindakan pantas, stor logistik.

n Kalendar pasang surut air laut diedarkan kepada penduduk bagi memudahkan persiapan awal.

n Jadual disediakan bagi setiap penduduk mengetahui lebih awal di pusat pemindahan mana yang mereka perlu tuju.

n Simulasi pemindahan akan dilakukan sebulan lebih awal dari musim tengkujuh.

n Pusat-pusat pemindahan ini disediakan dengan pendaftaran atas talian, ruang solat, perkhidmatan kaunseling dan makanan.

n Mangsa diberikan kit makanan permulaan yang dibekalkan oleh FAMA.

n Kemudahan aktiviti tambahan seperti aktiviti rekreasi untuk golongan dewasa dan kanak-kanak dan stesen pengecas bateri bagi membantu mangsa banjir untuk berasa lebih selesa.

n Pejabat Kesihatan Kemaman menyediakan senarai penduduk yang berisiko yang memerlukan rawatan rapi jika dipindahkan. Contohnya ibu mengandung dan pesakit buah pinggang.

Program insurans bencana untuk penduduk

n Penduduk hanya membayar premium berjumlah RM50 untuk perlindungan selama setahun dan Pejabat Parlimen Kemaman menambah sebanyak RM24.

n Insurans ini akan memastikan penduduk dibayar RM1,000 dalam tempoh kurang daripada seminggu jika rumah mereka dinaiki air.

n Perlindungan ini juga termasuk bencana lain seperti ribut dan kebakaran.

Menyelamatkan haiwan dan ternakan

n Sebelum banjir melanda, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menasihatkan penternak untuk memindahkan ternakan mereka ke kawasan tinggi. Mereka juga akan memastikan bekalan makanan ternakan mencukupi.

Sistem komunikasi

n Penting untuk bantuan dan menyelaras usaha menyelamatkan. Sistem Amaran SMS JPJ MyAlert, kumpulan aplikasi WhatsApp dan kemudahan walkie talkie.

n Kemudahan infrastruktur diperbaiki seperti menempatkan peralatan komunikasi di tempat tinggi, penyediaan kamera pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran serta penjana tenaga bergerak daripada TNB.

Kecemasan dan bencana

n Menggembelng aset penduduk termasuk bot nelayan dan kenderaan pacuan empat roda.

